

08/09/1997

Ekonomi negara punyai asas kukuh

`MERE nam' (nama saya) Anwar Ibrahim. Rumah dua, satu di Cheruk Tok Kun, satu lagi di Kuala Lumpur. Pejabat pun dua, satu di JPM satu di Kementerian Kewangan.

Isteri (ketawa), ikut cerita lapan, tapi yang sebenarnya, satu saja buat sementara waktu. Kata pepatah Hindi, maksudnya saya agaklah, kalau tak pakai otak, tanda ajal dah dekat nak sampai.

Ini bab janggut ni, nak cerita sikit, ini Presiden dengar. Ini Sunnah Nabi pun boleh, sunnah kambing pun boleh. Sebab tu P Ramlee, dia fikir jauh ke depan, dia sebut `musang berjanggut', tu pasal orang tua gatal.

Tapi saya ni ada problem, Presiden dah banyak kali sindir saya pasal janggut ni, minggu lepas dia dah bagi `warning' kat saya, I nak sentuh pasal janggut tapi susah, `you' ada janggut. Saya kata apa susah, tak payah sentuhlah. Kerana saya susah, nak cukur tak boleh, sebab ada rahsia di sebalik janggut (ketawa). Sungguh!

Ketika mula-mula berjumpa Azizah di hospital. Jangan main-main kita asmara di hospital. Jumpa, mata bertentang mata, lidah kelu tidak terkata, hanya senyuman yang menggoda, janggut juga menyeri rupa. Habih nak cukur macam mana.

Tapi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Datin Seri Dr Siti Hasmah pun ada cerita jugak. Dia ingat kita tak tahu. Mula-mula berjumpa di Universiti Singapura, kita hairan, yang kak Hasmah terpegun sangat dengan Dr Mahathir ni apa dia. Jawab dia, kening, hidung dan `sideburns'. Tengok gambar Presiden kita lama-lama `sideburn' tak kurang dari ini.

Sekarang rambut kita panjang sikit kena tegur.

Berbalik kepada ucapan Presiden saya ingat ada kewajipan sentuh sikit, kerana sementara disentuh soal lain oleh rakan perwakilan, satu perwakilan yang agak tuntas dengan pendirian Presiden, ialah soalan nilai. Bangsa akan besar gagah kalau kita mampu membawa perubahan, nilai kita mesti dibetulkan, yang negatif dihapuskan, dikembangkan nilai kerajinan dan dedikasi disiplin, meletakkan keutamaan dan apatah lagi bila diungkapkan nilai itu dari satu pendekatan agama.

Dan ini konsisten dengan apa yang disuarakan oleh beliau daripada kupasan Malay Dilema hingga sekarang, penerapan nilai Islam lebih 10 tahun lalu, kalau kita mahu terus maju kesempatan gagasan yang diimbau oleh Presiden walaupun bunyinya seringkali keras dan tegas, provokasinya kadang-kadang mengejutkan, tetapi saya kata kita harus gerakkan islah reformasi dan perubahan budaya ini melalui program kita di peringkat bahagian dan cawangan.

Kita bimbang seperti disentuh perwakilan, semangat bersemarak dalam dewan tetapi tidak dapat dipertahankan apabila kita bawa kembangkan maklumat itu di tengah masyarakat. Banyak masalah harus kita ketengahkan dan kita percaya Datuk Seri akan kupas berikutnya dan harap ambil peringatan ini sebagai panduan dan peringatan. Bangsa akan besar.

Marilah kita berikan sokongan dalam erti kata menterjemahkan dalam bentuk tindakan dan amalan kita.

Saya diminta oleh Presiden menjawab permasalahan ekonomi yang berlaku. Berulang kali kita katakan asas ekonomi negara kita kukuh.

Berlaku kegawatan ekonomi walaupun berulang kali kita tegaskan asas ekonomi kita kukuh. Dalam keadaan yang kukuh ini pun mampu digugat oleh muslihat luar seperti George Soros dan konconya yang menyerang kita.

Lebih-lebih lagi selepas ekonomi Thailand rapuh sehingga sistem

kewangannya terganggu, bank dan institusi terpaksa ditutup dan sekarang terpaksa memohon bantuan sebesar AS\$16.4 bilion dari luar. Kita beri AS\$1 bilion, bukan sumbangan, tapi dimasukkan dalam tabung, nanti kata sekolah di Bachok kita luluskan, tapi beri sumbangan kat Thailand pula.

Sebentar tadi saya ada mengadakan pertemuan dengan Menteri Kewangan Thailand, berunding dengan kita mengenai strategi bersama, nampaknya kepemimpinan menangani masalah ini strategi Perdana Menteri kita meminta Malaysia ke depan mendapat sokongan Li Peng juga yang melawat negara kita baru-baru ini.

Kita menaruh keyakinan, saya katakan pertama rumah tangga kita, dan asas ekonomi kita ialah kerana pertama kita catat pertumbuhan ekonomi yang baik.

Mesyuarat Lembaga Pengarah IMF (Dana Kewangan Antarabangsa) pada 5 September (Jumaat lalu), banyak negara yang ditegur oleh IMF. Syarat dikenakan di Thailand berat sekali. Mengenai Malaysia, IMF menyatakan lembaga memuji langkah yang diambil Malaysia kerana kerajaan mengurangkan tekanan permintaan dan mengurangkan defisit akaun semasa imbalan pembayaran.

Ekonomi secara keseluruhannya mempunyai asas kukuh.

Bermakna mereka menerima kenyataan walaupun digugat dan diserang, ekonomi kita masih kukuh cuma diakui kita juga turut menerima tempas daripada serangan luar.

Sebab itu dalam perjumpaan dengan IMF, saya katakan tak cukup IMF mengajar kita, memberi cadangan kepada kita, apa yang harus kita buat, kita mahu IMF dan badan kewangan antarabangsa ambil tahu dan ambil tindakan menghalang serangan tidak bertanggungjawab gerombolan asing.

Kalau tidak kita ubah suai, tetapi apabila ada kepentingan dasar terbuka ini dilakukan tidak ada apa yang dilakukan.

Selepas mesyuarat MT baru-baru ini, Perdana Menteri mengumumkan beberapa langkah untuk bulan depan saya akan bentangkan Belanjawan 1998, kita akan dapat mempertahankan pertumbuhan lebih daripada lapan peratus, dengan serangan muslihat luar.

Dan mempertahankan kadar inflasi dalam tiga hingga 3.5 peratus manakala purata hutang negara masih rendah iaitu enam peratus daripada eksport.

Belanjawan Negara juga masih mengalami lebihan, empat tahun lalu saya katakan kita Belanjawan Berimbang, ini masuk tahun kelima. Kita akan memastikan belanjawan tahun depan juga diyakini berimbang dan pertumbuhan lebih daripada apa yang dicapai tahun ini.

Filipina, Thailand, Indonesia dan Singapura menjunam, tapi pada Ogos 1997, rizab negara dalam Bank Negara Malaysia (Bank Negara) RM61.8 bilion yang mampu membiayai 3.7 bulan import tertanggung.

Walaupun ini suatu pengurangan disebabkan aliran keluar modal asing jangka pendek pelabur asing jual saham, bawa wang keluar, tetapi masih dapat kita pertahankan ini yang disebut fundamental yang banyak dibesarkan ialah defisit akaun semasa imbalan pembayaran. Kita memang hadapi masalah ini dan bukan masalah baru. Dulu kita ada Jawatankuasa Dagangan Tidak Nyata, sekarang ada Jawatankuasa Kabinet mengenai perkhidmatan yang dipengerusikan oleh PM, kita tangani masalah ini.

Pada 1996, defisit akaun semasa imbalan pembayaran ialah 5.2 peratus daripada KNK RM12.3 bilion, pada 1997, kita menjangkakan kadar ini dapat dikurangkan, sementara ia adalah satu masalah, kita mampu tangan, saya tahu masalah besar `sebagai Menteri Kewangan', terbabit dengan perjalanan IMF mereka memang sentiasa memberi teguran.

Tapi saya katakan yang harus dilihat bahawa import besar buat apa, projek besar ialah bukan dirikan monumen besar dengan disaluti emas untuk Dr Mahathir atau pemimpin negara.

Yang kita adakan ialah projek yang dianggap strategik seperti Lapangan

Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, itupun jangkakan awal RM20 bilion, riuh rendah kita ditegur, mana mampu, samalah pembangkang kritik Lapangan Terbang Subang, ketika itu kurang daripada RM60 juta, kata Lapangan Terbang Subang akan lebih banyak nyamuk daripada kapal terbang.

Nyata kini perancangan lapangan terbang untuk 400,000 penumpang dan puluhan juta, kita tidak boleh merancang semata-mata untuk keperluan ketika tetapi melihat tuntutan pada tahun 2000 ke 2010, sebab itu dari awal kita buat dua landasan.

Sebab itu sementara kita terima teguran, kita tahu apa projek yang kita buat mengukuhkan lagi kewangan negara dan mengurangkan defisit akaun semasa antaranya menanggungkan projek yang anggap tidak terlalu mendesak. Secara ringkas menyentuh pendekatan Islam ini, kerana sementara kita laksanakan, jangan gopoh melaksanakannya. Jadi dalam kita membawa perubahan, kita mesti ada kebijaksanaan.

Sehubungan itu, apabila Sarawak nak haramkan sukan bina badan, kita menyokong. Sebab mungkin pegawai Sarawak itu mengharamkan, kerana dia ingat yang masuk pertandingan bina badan itu ialah (Datuk) Mohamed Rahmat dan Datuk Sabbaruddin Chik. Sebab itu saya fikir, kalau Datuk Mat dan Sabbaruddin, biar haram terus.

Kalau Tan Sri Khalil Yaakob (mahu mengambil bahagian), biarlah. Sebab dia ada kekuatan sendiri. Sebab itulah dia seorang saja yang berani berenang Tasik Chini, dia seorang saja berani. Sebab semua buaya di Tasik Chini takut dengan dia, sebab di kalangan buaya Tasik Chini, dia dikenali sebagai raja buaya di darat.

Saya ucap terima kasih kepada perwakilan yang nampak simpati kepada saya, dah nasib saya. Saya ingat PM cuti dua bulan, bukan cuti. Sat lagi dia telefon, sat lagi dia ada kat `video conferencing' (VC), sat lagi dia tanya `Anwar, tanah ini nak buat pertanian di Kedah' pulak, lepas itu dia tanya apa yang penyakit denggi kotor di KL, saya kata you cuti le, tak boleh cuti ka.

Lagi dia telefon pulak menerusi VC di London, dia telefon saya cakap VC lagi senang nak tengok muka.

Saya ingat nak `delay le', boleh relaks sikit. Pagi Rabu, saya naik mesyuarat Kabinet, saya terus turun tengok dah pasang, saya tanya siapa suruh pasang, mereka kata Dr Mahathir suruh pasang. Saya kata mengapa tak boleh habaq dia cuti.

Jadi dia cuti, dia kerja. Sekejap lagi telefon, Coxsackie ini apa, KRU tersekat ni apa, lepas tu isu ratu cantik di Selangor. Saya kata siapa yang dok hantar surat khabar kat you ni.

Sekali itu saya cakap dalam TV tu, saya saja bagi tunjuk fail banyak dan tinggi atas meja...bagi dia simpati le sikit. Dia tak ada jugak, dia buat tak nampak aje.

Dalam cakap tu, dia ni dok depan TV, belakang tu saya nampak perempuan jalan belakang. Saya kata siapa dia pulak ni. Pakai nampak bertudung putih, rupanya Dr Siti Hasmah berjalan, nasib baik, kalau tidak kita buat surat layang baru pulak dah.

Jadi saya lepas daripada itu, saya balik kepada kerja semua, saya tentu le dukacita sikit. Tetapi saya ucap terima kasih sikitlah kerana perwakilan nampak, yang saya jumpa, melahirkan simpati dan memanglah saya sebagai manusia biasa tentulah terpaksa.

Balik Permatang Pauh untuk kenduri minggu sudah, lapan kenduri pergi semua, wakil rakyat punya. Mentekedarah sampai tak mahu, nak ambil hati penyokong.

Kita siap khas, khas sampai nak meletup perut. Tetapi ketika itu, orang tua, tok haji kata sampai nak menangis. Dia kata apa le Anwar, politik sampai macam ini, apa nak jadi.

Jadi saya pun sedih jugaklah. Surat layang ini bukanlah baru, banyak

kali dah. Bertubi-tubi, macam-macam judul. Tetapi yang kali ini nampak...lebih sangat.

Sebab itu saya buat laporan polis pada 15 Ogos. Saya terima kasih yang pertamanya kepada Azizah. Dia kata.. alah you ni, you taukan, politik ni macam tukang.

Keluarga, rakan yang simpati berdoa dan sembahyang hajat dan sebagainya. Datuk Seri Presiden pun kata: `Sabar'.

`That really was great help', dia kata ni sabar jelah benda ini, dia kata banyak kali kena, termasuk yang bini Cina Singapura tu, yang tu dia dok kata bukan, yang saya cakap dia dok boleh jadi betul. Melawak je, Dr Siti Hasmah ada, saya kata `I am with you, don't worry'. Saya dengar apa-apa saya beritahu.